

# Ombak besar lambung kapal

Pengalaman belayar 28 hari, tinggal ibu bukti pengorbanan komando

B/H 28/4/12 MS 16.

Oleh Hamid Karim  
bhnews@bharian.com.my

**"K**APAL kami di-lambung ombak besar. Sekejap ke atas, sekejap ke bawah. Allah saja tahu perasaan kami ketika itu yang diarah memakai jaket keselamatan selepas ombak membasahi dek kapal," kata bekas komando Mohd Sani Yahaya, 72, memulakan cerita pengalaman menjadi kumpulan pertama bertugas di Congo.

Katanya, ketika diarah ke negara bergolak itu, usianya baru mencecah 19 tahun dan baru saja ditempatkan ke kem Mentakab, Pahang selepas menjalani latihan rekrut di Port Dickson, Negeri Sembilan.

Ayah kepada enam anak berkata, pengalaman menaiki kapal selama 28 hari sebelum berlabuh di Pelabuhan Mata-di, Congo dan menjadi kumpulan pertama bertugas di Congo pada 1960, adalah kenangan yang tidak mungkin dilupakan sepanjang hayat.

Malah, katanya, sesekali ketika menghabiskan masa




MOHD SANI (berdiri paling kanan) bersama Hashimah Yon (kanan) dan Normadiah (kiri) ketika di Congo.

bersama isterinya, Faridah Basir, 65, di kedai makan mereka di Kampung Jalan Kebun, Shah Alam, air matanya bergenang mengenang pengalaman berharga itu.

Beliau yang pencen dengan pangkat Sarjan terkenal beberapa rakan lamanya, termasuk ada yang sudah meninggal dunia serta beberapa pegawai dikenalnya seperti

pegawai memerintah ketika itu, Leftenan Kolonel Ungku Nasarudin Ungku Muhammad.

Menceritakan perasaan-nya, Mohd Sani memberi-



MENJEJAKI  
WIRA CONGO



Untuk berkongsi pengalaman  
hubung talian 03-20569309  
atau 03-20569356 atau  
e-mel bhnews@bharian.com.my

ka juga sering berlaku pergaduhan. Tetapi peliknya mereka amat mesra dengan tentera kita," tambahnya.

Bagaimanapun, beberapa insiden yang menyentuh perasaannya juga pernah dilihat berlaku di Congo ketika bertugas, termasuk kejadian warga Congo yang kebanyakannya berkulit hitam, sentiasa dipandang rendah oleh warga kulit putih.

Mohd Sani berkata, pernah ketika bertugas beliau melihat penumpang bas keturunan Congo duduk di belakang bas, manakala penumpang kulit putih atau Belgium pula duduk di depan. Dengar cerita, orang Belgium dan kulit putih menyifatkan warga tempatan sebagai mereka yang berbau.

Ketika bertugas di negara bergolak itu, Kerajaan Ma-

tanu pelbagai perasaan timbul ketika mula menerima arahan untuk bertugas di luar negara, terutama mengenang dirinya yang masih muda dan menjadi anak tunggal lelaki dalam keluarganya. Apatah lagi ketika itu ibunya seorang ibu tunggal, selepas kematian ayah.

"Ibu merayu meminta saya jangan pergi. Maklumlah perasaan seorang ibu apabila mendengar berita anak lelaki tunggal terpaksa bertugas di negara bergolak. Sebak dan sedih menyelubungi perasaan ketika itu.

"Sebagai anggota tentera, saya atasi semua perasaan itu dengan memberi alasan kepada ibu bahawa saya berjuang demi negara dan arahan bertugas dikeluarkan itu wajib dipatuhi kalau saya mahu menjadi seorang anggota yang setia," katanya.

Selepas tiba di pelabuhan Matadi, kumpulan tentera Malaysia dibawa menaiki kereta api khas menuju ke bandar Leopoldville mengambil masa kira-kira dua jam. Selepas itu mereka ditempatkan di beberapa kawasan, dan tugas pertama Mohd Sani adalah mengawal kawasan bandar.

"Saya ditugaskan menjaga kawasan bandar yang ketika itu banyak bangunan milik orang Belgium terbiar kosong dipercayai berpindah kerana bimbang keselamatan diri akibat ba-



*Sebagai anggota tentera, saya atasi semua perasaan itu dengan memberi alasan kepada ibu bahawa saya berjuang demi negara dan arahan bertugas dikeluarkan itu wajib dipatuhi kalau saya mahu menjadi seorang anggota yang setia*

**Mohd Sani Yahaya**  
Bekas komando

nyak kejadian pergaduhan dengan warga tempatan.

"Di kawasan pedalaman, kami pernah beberapa kali terserempak dengan kaum pribumi yang hanya memakai cawat tetapi sentiasa membawa senjata tradisional seperti panah dan tombak.

"Golongan ini dikatakan amat ganas dan amat tidak menyenangi keturunan penjajah. Malah, sesama mere-

laysia sentiasa mengambil berat kebajikan anggota dan tidak hairanlah selepas beberapa bulan di sana, sekumpulan artis seperti Hashimah Yon, S M Salim dan Normadiyah dihantar membuat beberapa persembahan khusus kepada mereka yang bertugas.

Malah, katanya, kenangan sempat bergambar dan melihat sendiri artis seperti Hashimah dan Normadiyah membuat persembahan antara memori yang tidak dapat dilupakannya selama lapan bulan di Congo.

Kumpulan pertama tentera Malaysia itu, katanya, pulang ke tanah air selepas tamat tempoh bertugas, digantikan Batalion 2 Askar Melayu.

"Dari Congo kami menaiki kapal terbang ke Dar Es Salam di Somalia sebelum menaiki kapal dan berlabuh di Port Swettenham (Pelabuhan Klang). Ketika tiba di Pelabuhan Klang, saya tidak menyedari teman wanita saya (kini isteri) ketika itu berusia 17 tahun bersama adik lelakinya datang menunggu.

"Sedih juga tak dapat bertemu. Lagi pun kalau saya tahu, mungkin tidak berpeluang menemuinya kerana peraturan menghendaki kami terus menaiki kenderaan disediakan sebaik turun dari kapal untuk pulang ke kem," ceritanya sambil tersenyum.